

Pilihan raya DUN Sabah selepas Oktober

UM 23 JUN 2003

KOTA KINABALU 22 Jun — Ketua Menteri Sabah, Datuk Musa Aman membayangkan kemungkinan pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah yang ke-10 akan diadakan selepas Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meletak jawatan pada Oktober ini.

Beliau berkata: “Perdana Menteri telah menyatakan kalau boleh tidak mahu ada pilihan raya sebelum beliau bersara. Jadi itu menjadi panduan kita.

“Terpulang kepada pucuk pimpinan parti bila akan menentukan tarikh pilihan raya itu,” katanya yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu sekembalinya daripada menghadiri Perhimpunan Agung UMNO Ke-54 di sini lewat malam tadi.

Musa yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) negeri ditanya mengenai tarikh pilihan raya DUN Sabah akan diadakan.

Dalam wawancara eksklusif dengan *Mingguan Malaysia* pada 15 Jun lalu, Dr. Mahathir memberi jaminan pilihan raya umum ke-11 tidak akan diadakan sehingga beliau meletak jawatan pada Oktober ini.

“Selepas Oktober, terpulanglah kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi apa dia hendak buat,” katanya.

Tempoh kerajaan negeri yang memerintah Sabah sekarang akan tamat pada April 2004.

Musa berkata, apa yang penting ialah semua jentera BN harus bersiap sedia menghadapi pilihan raya untuk memastikan parti itu menyapu bersih semua

60 kerusi DUN yang dipertandingkan.

Katanya, UMNO juga akan memberi penerangan kepada ahli-ahlinya tentang bakal calon supaya mereka yang tidak terpilih jangan merajuk atau mensabotaj parti.

“Yang penting ialah parti harus diutamakan daripada kepentingan peribadi dan perbuatan mensabotaj parti adalah sama dengan mengkhianati parti kerana ia boleh melemah dan menghancurkan parti,” tegasnya.

Musa berkata, BN Sabah akan cuba memastikan parti itu memenangi semua kerusi DUN sebagai hadiah kepada Dr. Mahathir dan juga penggantinya, Abdullah.

“Semua Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri setuju dan akan cuba memenangi semua kerusi sebagai penghormat

matan besar kepada Perdana Menteri dan bakal penggantinya,” tambah beliau.

Buat masa ini, BN menguasai sepenuhnya kesemua 48 kerusi DUN selepas kemasukan semula Parti Bersatu Sabah (PBS) pada awal 2001.

Di bawah persempadanan baru oleh Suruhanjaya Pilihan Raya, Sabah mendapat tambahan 12 kerusi DUN menjadikan 60 kerusi dan tambahan lima kerusi Parlimen, menjadikan jumlah 25 kerusi.

BN Sabah dianggotai oleh sembilan parti komponen iaitu UMNO, PBS, Parti Maju Sabah (Sapp), Parti Liberal Demokratik (LDP), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu (Upko), MCA, MIC dan Gerakan.